

**SULIT**



**UTHM**  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

## **UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

### **PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2019/2020**

NAMA KURSUS	:	BIMBINGAN DAN KAUNSELING
KOD KURSUS	:	BBD 30302
KOD PROGRAM	:	BBA/BBB/BBC/BBD/BBE/BBF/BBG
TARIKH PEPERIKSAAN	:	DISEMBER 2019/JANUARI 2020
JANGKA MASA	:	2 JAM
ARAHAN	:	JAWAB SEMUA SOALAN BAHAGIAN A DAN BAHAGIAN B

**KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI DUA BELAS (12) MUKA SURAT**

**SULIT**

**TERBUKA**

**BAHAGIAN A**

- S1** Antara berikut, manakah bukan jenis perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah?
- A. Perkhidmatan penempatan
  - B. Perkhidmatan kaunseling
  - C. Perkhidmatan konferens dengan pelajar
  - D. Perkhidmatan pengumpulan memberi maklumat
- S2** Manakah antara berikut tidak termasuk kod tata laku guru bimbingan dan kaunseling sepenuh masa?
- A. Tanggungjawab terhadap klien
  - B. Tanggungjawab terhadap masyarakat
  - C. Tanggungjawab terhadap keluarga klien
  - D. Tanggungjawab terhadap rakan profesional
- S3** Antara berikut, manakah bukan sifat seorang kaunselor menurut Carl Rogers?
- A. Kecepatan (*Speed*)
  - B. Ketulenan (*Genuineness*)
  - C. Tidak menghukum (*Non-Judgmental*)
  - D. Penerimaan dan kemesraan (*Acceptance and Warmth*)
- S4** Kemahiran mendengar ialah kemahiran paling asas dan penting dalam kaunseling. Mendengar juga berkait rapat dengan memberi perhatian. Antara berikut, manakah tidak termasuk dalam panduan mendengar yang berkesan?
- A. Kekalkan tumpuan mata
  - B. Kekalkan gerak tubuh
  - C. Gunakan pendengaran aktif
  - D. Tidak buat penilaian
- S5** Manakah antara berikut bukan merupakan sifat seorang kaunselor?
- A. Tenang
  - B. Penerimaan
  - C. Ketulenan
  - D. Penilaian
- S6** Sebagai kaunselor, kemahiran berempati amat penting untuk menunjukkan seseorang kaunselor betul-betul berada di sisi klien secara
- A. jasmani
  - B. emosi
  - C. moral
  - D. perasaan

**TERBUKA**

- S7** Siapakah pelopor Teori Psikoanalisis?
- A. Skinner
  - B. John Watson
  - C. Sigmund Freud
  - D. William Glasser
- S8** Berikut merupakan prinsip-prinsip bimbingan kecuali
- A. bimbingan adalah untuk perkembangan diri
  - B. mesti dilakukan secara kolaboratif dengan kakitangan lain
  - C. guru-guru bimbingan tidak digelar kaunselor
  - D. fokus utama ialah pemulihan masalah yang dihadapi
- S9** Manakah antara berikut bukan tugas unit bimbingan dan kaunseling di sekolah?
- A. Inventori dan rekod
  - B. Perkhidmatan sosial
  - C. Perkhidmatan penempatan
  - D. Perkhidmatan penilaian
- S10** Objektif utama perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah ialah seperti berikut kecuali
- A. memberi perkhidmatan penghayatan
  - B. memberi perkhidmatan pencegahan
  - C. memberi perkhidmatan pemulihan kepada guru
  - D. memberi perkhidmatan pemulihan berorientasikan pelajar
- S11** Apakah tujuan bimbingan kerjaya?
- A. Peserta dapat mengenal pasti kriteria diri dan kerjaya yang sesuai dengan dirinya
  - B. Peserta dapat mengetahui tempat untuk melanjutkan pelajaran pada peringkat lebih tinggi
  - C. Peserta dapat mengenal pasti bidang pengajian dan mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian
  - D. Peserta dapat mengenal pasti kriteria diri mereka dan dapat mengidentifikasi bidang pelajaran
- S12** Teori ini dilaksanakan secara 5 fasa dan tidak sesuai untuk klien yang berkebolehan terhad. Teori tersebut ialah
- A. Teori Gestalt
  - B. Teori Eklektik
  - C. Teori Perlakuan
  - D. Teori Psikoanalisis

- S13** Jika klien anda mengalami masalah psikologi dan kesihatan mental, cara manakah yang tidak akan anda pilih untuk membantu klien anda?
- A. Lawatan sambal belajar
  - B. Kaunseling individu dan kelompok
  - C. Kursus motivasi
  - D. Mengajar kemahiran kawalan diri

Sentiasa seimbang  
Tidak menunjukkan ingin menguasai  
Berterus terang  
Tidak berpura-pura

**Penyataan S14**

- S14** Penyataan **S14** menunjukkan bahawa seseorang kaunselor itu mempunyai sifat
- A. penerimaan
  - B. tidak menghukum
  - C. ketulenan
  - D. ketepatan
- S15** Dalam konteks bimbingan dan kaunseling di sekolah, apakah maksud bimbingan kerjaya?
- A. Bimbingan kerjaya ialah satu kesatuan proses bimbingan memiliki manfaat yang dinikmati oleh kliennya
  - B. Bimbingan kerjaya ialah satu kesatuan proses bimbingan memiliki manfaat yang dinikmati oleh kliennya menguruskan diri dan mencipta kemandirian dalam memilih kerjaya yang sesuai
  - C. Bimbingan kerjaya ialah satu kesatuan proses bimbingan memiliki manfaat yang dinikmati oleh kliennya mengarahkan diri dan mencipta kemandirian dalam memilih kerjaya yang sesuai
  - D. Bimbingan kerjaya ialah satu proses bimbingan memiliki manfaat yang dinikmati oleh kliennya mencipta kemandirian dalam memilih pendidikan yang sesuai

Kaunselor: Sepanjang kita berbincang tentang diri Balqis, tadi Balqis ada mengatakan bahawa Balqis ada masalah dengan pelajaran. Kemudian, Balqis juga mengatakan bahawa Balqis mempunyai masalah dengan rakan Balqis. Antara dua masalah ini, masalah mana yang betul-betul mengganggu diri Balqis?

Klien: Masalah dengan rakan yang betul-betul mengganggu diri saya buat masa sekarang.

**Penyataan S16**

**S16** Dalam prosedur menjalankan proses kaunseling, langkah yang paling sesuai pada situasi penyataan **S16**?

- A. Penerokaan masalah
- B. Mengenal pasti punca masalah
- C. Membincang alternatif
- D. Mengambil tindakan

Anita tidak menyedari langsung apa-apa peristiwa yang sedang berlaku di sekelilingnya setika itu.

**Penyataan S17**

**S17** Mengikut Teori Psikoanalisis, penyataan pada penyataan **S17** menunjukkan bahawa Anita berada pada

- A. alam sedar
- B. alam prasedar
- C. alam separuh sedar
- D. alam tidak sedar

Dorongan kelakuan (agresif, kuasa dan superior)  
Dorongan kemasyarakatan

**Penyataan S18**

**S18** Apakah teori yang berkaitan dengan dorongan asas pada penyataan **S18**?

- A. Teori Pemusatan Klien
- B. Teori Psikologi Individu
- C. Teori Psikoanalisis
- D. Teori Realiti

**TERBUKA**

- S19** Teori Realiti menegaskan bahawa manusia mempunyai kebebasan, boleh membuat pilihan serta bertanggungjawab terhadap pilihan tersebut. Teori ini juga menolak konsep sakit jiwa yang dipelopori oleh Teori Psikoanalisis. Antara berikut, manakah bukan peranan kaunselor yang mengadaptasikan teori ini?
- A. Memberi galakan kepada klien untuk membuat perubahan dari maladatif kepada adaptif
  - B. Mewujudkan perhubungan yang terbuka, mesra, akrab dan jujur dengan klien.
  - C. Menggalakkan klien melaksanakan pelan tindakan untuk mengubah tingkah lakunya.
  - D. Membimbing klien untuk menilai sendiri tingkah lakunya dan seterusnya membuat keputusan.

Kaunselor akan cuba memberikan penekanan pada ‘di sini’ dan pada ‘ketika ini’ dan elakkan memberi penumpuan kepada peristiwa-peristiwa lampau dan perasaan-perasaan yang tidak baik.

**Penyataan S20**

- S20** Dalam sesi kaunseling, situasi seperti penyataan **S20** selalu digunakan oleh kaunselor. Hal ini menunjukkan bahawa kaunselor menggunakan teknik tertentu mengikut Teori Realiti. Berdasarkan situasi tersebut, nyatakan teknik yang digunakan oleh kaunselor tersebut.
- A. Kelucuan
  - B. Konfrantasi
  - C. Lakonan
  - D. Kontrak
- S21** Prinsip asas teori ini menitikberatkan keseluruhan daripada sebahagian. Teori ini melihat sesuatu objek secara menyeluruh supaya dapat memberi makna yang lebih mendalam daripada melihat komponen-komponen secara berasingan. Teori manakah yang dimaksudkan?
- A. Teori Eklektik
  - B. Teori Gestalt
  - C. Teori Psikoanalisis
  - D. Teori Perlakuan
- S22** Antara berikut, manakah bukan pandangan Teori Perlakuan terhadap manusia?
- A. Bersifat rasional
  - B. Berpotensi menjadi baik
  - C. Berpotensi menjadi jahat
  - D. Reaksi bergantung pada niat

**TERBUKA**

**S23** Pembimbing boleh memandang klien secara tepat atau dengan sudut kecil dari kedudukannya. Tingkah laku ini mencerminkan penglibatan aktif pembimbing dengan mesej "Saya bersama dengan anda sekarang ini". Egan (1988) telah memberi akronim SOLER sebagai singkatan kepada kemahiran komunikasi bukan lisan yang penting sebagai peringatan kepada pembimbing/kaunselor.

Penjelasan yang diberikan di atas merujuk kepada huruf mana pada akronim **SOLER?**

- A. S – Squarely
- B. O – Open posture
- C. L – Lean forward
- D. E – Eye contact

**S24** Kesahan ialah sesuatu ujian yang baik dalam menghasilkan skor ujian yang sah dan boleh dipercayai. Berikut ialah jenis kesahan kecuali

- A. kandungan
- B. kebolehpercayaan
- C. semasa /serentak
- D. kriteria

Pretty Zintha berasa sangat sedih. Dia ingin meraih cita-cita tetapi tidak mengetahui caranya.

**Penyataan S25**

**S25** Anda merupakan seorang kaunselor yang dirujuk oleh Pretty Zintha. Apakah bidang bimbingan yang anda simpulkan daripada masalah yang dihadapi oleh klien ini seperti pada pernyataan **S25**?

- A. Bimbingan pelajaran
- B. Bimbingan kerjaya
- C. Bimbingan peribadi dan sosial
- D. Bimbingan pencegahan dadah

- Semua pelajar mendapat peluang yang sama untuk mengembangkan diri.
- Memahami bahawa pendidikan adalah sebagai persiapan dalam hidup.
- Mengembangkan pemahaman yang cukup terhadap diri sendiri dan perkembangan sosial peribadi.

**Penyataan S26**

**S26** Penyataan **S26** merujuk kepada prinsip

- A. bimbingan pelajaran
- B. bimbingan kerjaya
- C. bimbingan peribadi dan sosial
- D. bimbingan pencegahan dadah

TERBUKA

**S27** Antara berikut, manakah merupakan perkhidmatan inventori individu dan rekod pelajar?

- I. Mengendalikan fail bimbingan pelajar
  - II. Mengawas corak kehadiran pelajar
  - III. Merekod salah laku pelajar
  - IV. Memberikan makluman tentang prestasi pelajar
- 
- A. I, II dan III sahaja
  - B. I, III dan IV sahaja
  - C. II, III dan IV sahaja
  - D. I, II dan IV sahaja
- 
- S28** Apakah fungsi utama ujian personaliti?
- I. Potensi diri
  - II. Tahap kemahiran
  - III. Bakat seseorang
  - IV. Tahap kecerdasan
- 
- A. I dan II sahaja
  - B. I dan III sahaja
  - C. II dan III sahaja
  - D. III dan IV sahaja

**S29** Berikut merupakan tujuan bimbingan belajar. Pilih tujuan bimbingan belajar yang sesuai.

- I. Perkembangan sikap yang baik terutama dalam mengerjakan tugas dalam mengembangkan keterampilan
  - II. Membangunkan disiplin belajar dan terlatih, baik secara sendiri maupun kelompok
  - III. Mengembangkan pemahaman dan pemanfaatan kondisi sosial dan budaya di lingkungan sekolah
  - IV. Memahami nilai-nilai yang ada dalam dirinya dan yang ada dalam masyarakat
- 
- A. I, II dan III sahaja
  - B. I, II dan IV sahaja
  - C. I, III dan IV sahaja
  - D. I, II, III dan IV

**TERBUKA**

**S30** Apakah langkah yang perlu dilakukan oleh kaunselor sebelum memulakan sesi kaunseling?

- I. Mengenal pasti maklumat latar belakang klien
  - II. Mengkaji diskripsi tugas klien
  - III. Menangguhkan sesi kaunseling
  - IV. Menyediakan tempat yang sesuai untuk sesi kaunseling
- A. I, II dan III sahaja
  - B. I, II dan IV sahaja
  - C. II, III dan IV sahaja
  - D. I, II, III dan IV

**S31** Antara berikut, manakah merupakan ciri-ciri kaunseling?

- I. Krisis
  - II. Pemulihan
  - III. Pencegahan
  - IV. Perkembangan
- A. I, II dan III sahaja
  - B. I, II dan IV sahaja
  - C. II, III dan IV sahaja
  - D. I, II, III dan IV

**S32** Tujuan terapi Teori Psikologi Individu menitikberatkan beberapa elemen. Antara berikut, manakah merupakan tujuan terapi yang dimaksudkan?

- I. Meningkatkan keberanian.
  - II. Mendorong minat sosial
  - III. Meningkatkan kewibawaan
  - IV. Mengurangkan perasaan rendah diri
- A. I dan III sahaja
  - B. II dan III sahaja
  - C. I, II dan III sahaja
  - D. I, II dan IV sahaja

**S33** Apakah konsep penting dalam penilaian?

- I. Kesahan
  - II. Kebolehpercayaan
  - III. Kestabilan
  - IV. Norma
- A. I, II dan III sahaja
  - B. I, II dan IV sahaja
  - C. II, III dan IV sahaja
  - D. I, II, III dan IV

**TERBUKA**

- S34** Dalam sesi kaunseling, kaunselor sering menggunakan parafrasa untuk menerus dan melanjutkan sesi kaunseling. Antara berikut, manakah tujuan parafrasa?
- I. Menunjukkan kaunselor mendengar apa yang dikatakan oleh klien
  - II. Sangat sesuai digunakan untuk memanjangkan sesi kaunseling
  - III. Refleksi kepada apa yang dikatakan oleh klien
  - IV. Perdengarkan semula apa yang telah diperkatakan oleh klien
- A. I, II dan III sahaja
  - B. I, II dan IV sahaja
  - C. I, III dan IV sahaja
  - D. I, II, III dan IV
- S35** Teori Rasional Emotif (RET) merupakan aliran psikoterapi yang berlandaskan persepsi bahawa manusia dilahirkan dengan potensi, sama ada berfikir secara rasional jujur mahupun tidak rasional dan jahat. Teori ini juga menyatakan bahawa manusia memiliki kecenderungan untuk memelihara diri, berbahagia, berfikir dan berkasih sayang. Manakah antara berikut merupakan kelemahan teori ini?
- I. Terdapat klien yang terlalu berprasangka terhadap logik sehingga sukar menerima analisis logik
  - II. Mungkin akan mengubah tingkah laku tetapi bukan pada perasaan seseorang klien
  - III. Mengetepikan pengalaman-pengalaman silam yang mungkin mempengaruhi tingkah laku semasa
  - IV. Ada sesetengah klien terpisah dari realiti sehingga usaha untuk membawanya ke alam nyata sukar dicapai
- A. I dan II sahaja
  - B. II dan III sahaja
  - C. I dan IV sahaja
  - D. III dan IV sahaja
- S36** Cikgu Afiq merupakan seorang kaunselor di sebuah kolej vokasional di utara tanah air. Beliau sedang membantu seorang pelajar yang menghadapi kemurungan. Beliau menggunakan rantaian ABC (Antecedent, behaviour and Consequence) untuk tujuan tersebut. Berdasarkan langkah yang diambil, manakah merupakan tanggungjawab Cikgu Afiq?
- I. Memantau tingkah laku klien yang tidak wajar
  - II. Menyempurnakan tugas yang diberikan
  - III. Klien merancang tingkah laku yang wajar
  - IV. Menganalisis mimpi
- A. I dan II sahaja
  - B. II dan III sahaja
  - C. I dan IV sahaja
  - D. II dan IV sahaja

- S37** Terdapat beberapa tujuan penggunaan ujian psikologikal dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Pilih tujuan yang benar berdasarkan pernyataan berikut:
- I. Menolong klien membuat keputusan dalam masa-masa yang terdesak
  - II. Menolong klien membina keyakinan pada konsep kendiri
  - III. Membantu klien memilih bidang pengajian dan pekerjaan yang sesuai
  - IV. Meningkatkan lagi pencapaian akademik klien dari semasa ke semasa
- A. I, II dan III sahaja
  - B. I, III dan IV sahaja
  - C. II, III dan IV sahaja
  - D. I, II, III dan IV
- S38** Manakah antara berikut merupakan kategori klien untuk kaunseling individu atau kaunseling kelompok dalam perkhidmatan kaunseling di sekolah?
- I. Sukarela
  - II. Dijemput
  - III. Dirujuk
  - IV. Dipaksa
- A. I dan II sahaja
  - B. II dan III sahaja
  - C. I, II dan III sahaja
  - D. I, II dan IV sahaja
- S39** Manakah antara berikut merupakan peranan bimbingan peribadi dan sosial?
- I. Membuat keputusan pilih kerjaya dengan efektif
  - II. Mengembangkan sikap positif
  - III. Memiliki kesedaran diri
  - IV. Menyelesaikan konflik rakan
- A. I dan III sahaja
  - B. I dan IV sahaja
  - C. II dan III sahaja
  - D. II dan IV sahaja
- S40** Pelaksanaan ujian perlu menepati pelbagai faktor seperti faktor dalaman dan luaran kesahan. Antara berikut, manakah bukan faktor dalaman kesahan?
- I. Kekurangan masa
  - II. Arahan tidak jelas
  - III. Pentadbiran ujian
  - IV. Penggubalan soalan
- A. I dan II sahaja
  - B. I dan III sahaja
  - C. II dan IV sahaja
  - D. III dan IV sahaja

**TERBUKA****SULIT**

**BAHAGIAN B**

**S41** Unit bimbingan dan kaunseling memainkan peranan yang penting di sebuah sekolah. Hal ini kerana unit ini berperanan membantu pelajar merungkai masalah sama ada masalah akademik maupun bukan akademik.

**S41a** Nyatakan 5 masalah yang sering dihadapi oleh pelajar di sekolah.

(5 markah)

**S41b** Jika anda sebagai seorang kaunselor di sekolah, Huraikan dengan jelas 5 cara berserta contoh bagaimanakah anda membantu pelajar menyelesaikan masalah kerjaya.

(25 markah)

**S42** Bincangkan dengan jelas berserta dengan contoh 6 etika kaunseling Persatuan Kaunselor Malaysia (PEKAMA) yang perlu diaplikasikan dalam sesi kaunseling.

(30 markah)

**-SOALAN TAMAT-**